

03 NOV 2002

Asean-Sidang Kemuncak/I

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN TANGANI KEGANASAN, TINGKATKAN EKONOMI SELEPAS TRAGEDI BALI

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 3 Nov (Bernama) -- Anggota termuda Asean, Kemboja, memberikan sambutan permaidani merah bagi mengalu-alukan pemimpin-pemimpin ke Sidang Kemuncak Asean Ke-8 yang akan bermula di sini esok yang dijangka akan menumpukan pada keganasan, keselamatan serantau dan langkah meningkatkan ekonomi serantau.

Sidang kemuncak selama dua hari itu akan diikuti dengan penuh minat ketika masyarakat antarabangsa tertanya-tanya mengenai bagaimana Asean mencadangkan untuk menghilangkan kebimbangan pelabur dan pelancong asing ekoran kejadian pengeboman di pulau peranginan Bali di Indonesia yang disyaki dilakukan oleh penganas.

Kejadian pengeboman pada 12 Okt itu yang telah membunuh hampir 200 orang, kebanyakannya warga Australia, telah meninggalkan kesan mendalam terhadap negara-negara Asia Tenggara kerana ia menunjukkan bahawa rantau itu berada dalam cengkaman penganas antarabangsa.

Perkumpulan 10 negara itu yang mempunyai lebih 500 juta penduduk telah lama mengakui bahawa ia merupakan destinasi selamat bagi pelancong asing tetapi tragedi Bali dan kejadian berkaitan keganasan lain telah menjejaskan industri pelancongan Asean yang bernilai berbilion dollar.

Negara-negara anggota Asean amat kecewa apabila beberapa negara Barat mengeluarkan nasihat pelancongan mengingatkan warganegara mereka agar mengelakkan Asia Tenggara yang pelancongannya telah menarik jumlah wang yang banyak sejak berlakunya krisis kewangan 1997.

Setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino tidak menolak kemungkinan bahawa sidang kemuncak itu, yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Kemboja Hun Sen, mungkin mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai keganasan bagi menghilangkan kebimbangan mengenai keganasan di rantau itu.

Pemimpin-pemimpin berkenaan juga mungkin akan membincangkan mengenai pengumuman penubuhan pusat memerangi keganasan di Kuala Lumpur yang telah dicadangkan oleh Amerika Syarikat bagi menyelaraskan kerjasama serantau dalam memerangi keganasan.

Selain itu, Asean juga mendapat rangsangan baru di sini kerana ia dijadual menandatangani satu perjanjian dengan China esok yang akan membantu mengurangkan ketegangan berhubung tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly yang kaya dengan minyak dan galian di Laut China Selatan, satu daripada laluan utama kapal dunia.

Pemerhati berpendapat hakikat bahawa Asean berjaya mencapai kata sepakat dengan China bagi Deklarasi Tatacara Pihak-pihak Yang Bekepentingan di Laut China Selatan adalah baik demi keselamatan serantau dan dapat memperkukuhkan lagi hubungan di antara perkumpulan itu dengan kuasa ekonomi dunia yang berpotensi di masa depan.

Lagipun, ia turut menunjukkan hubungan Asean-China yang lebih kukuh dengan kedua-dua pihak akan mengadakan pertemuan selepas Sidang Kemuncak Asean di sini, bagi menandatangani dua lagi dokumen

-- perjanjian rangka kerja mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (FTA) dan perjanjian untuk menyelesaikan isu-isu keselamatan termasuk keganasan.

Asean dan China semalam menandatangani memorandum persefahaman kerjasama pertanian, permulaan bagi cadangan FTA iaitu dalam tempoh 10 tahun akan menyaksikan pewujudan pasaran lebih luas sebanyak 1.7 bilion orang dengan gabungan keluaran dalam negara kasar sehingga AS\$2 trilion (AS\$1=RM3.80) dan perdagangan dua hala sebanyak AS\$1.2 trilion.

Selain China, Asean juga akan mengadakan sidang kemuncak berasingan dengan Jepun dan Korea Selatan, disusuli dengan sidang kemuncak bersama Asean+3 melibatkan empat pihak berkenaan.

Dan, buat pertama kalinya, Asean akan mengadakan rundingan di peringkat tertinggi dengan India, ekonomi keempat terbesar dan negara kedua paling padat di dunia, dengan kedua-duanya dilaporkan akan membincangkan kemungkinan bagi FTA.

Peningkatan rangkaian ekonomi dengan gergasi Asia Selatan itu akan menyediakan peluang bagi eksport Asean ke negara yang mempunyai lebih 1 bilion penduduk dan mempunyai potensi ekonomi yang banyak.

"Dengan saiz penduduk, kedudukan geografi dan pembangunan ekonominya, terdapat alasan kukuh untuk mempercayai bahawa kerjasama ekonomi Asean-India akan bermanfaat kepada kedua-dua pihak," kata Menteri Luar Kemboja Hor Namhong.

Perdagangan dua hala India dengan Asean dijangka akan mencecah AS\$10 bilion bagi 2001-2002, dengan eksport India ke negara-negara Asean sebanyak AS\$3.6 bilion dan import sebanyak AS\$6.4 bilion.

Jepun juga tidak ketinggalan, bersama-sama Asean, akan menandatangani deklarasi bagi penubuhan Perkongsian Ekonomi Lebih Erat Asean-Jepun.

Asean dan Jepun kekal menjadi rakan perdagangan penting dengan jumlah perdagangan antara kedua-dua pihak sebanyak AS\$108.4 bilion pada 2001.

Dengan peluasan aktiviti dengan China, Jepun dan Korea Selatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengetuai delegasi Malaysia di Phnom Penh, dijangka akan berbincang dengan rakan pemimpin mengenai penubuhan sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur.

Ekoran keengganan beberapa negara anggota menerima cadangan itu sebelum ini, kemahiran memujuk yang dimiliki pemimpin Malaysia itu akan diuji semasa beliau cuba menyakinkan mereka mengenai perlunya bagi sekretariat sedemikian selain daripada sekretariat Asean di Jakarta.

Dilaporkan bahawa tiga kuasa besar Asia Utara itu tiada bantahan terhadap penubuhan sekretariat itu tetapi mereka mahu Asean mencapai persetujuan mengenainya.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam. Kemboja adalah negara terakhir menyertai perkumpulan itu pada 1999.

Bagi tuan rumah Kemboja, sidang kemuncak itu adalah sebagai satu perkembangan baru selepas beberapa dekad berdepan dengan perang saudara dan keganasan, termasuk pemerintahan berdarah Khmer Rouge dari 1975 hingga 1979 dan dalam tempoh itu kira-kira dua juta orang terbunuh.

Dengan jumlah penduduk lebih 12 juta, Kemboja, yang mencapai kemerdekaan daripada Perancis pada 1953, adalah sebuah daripada negara termiskin di Asia Tenggara dan banyak bergantung pada bantuan asing.

Menyedari perbezaan antara negara anggota yang lama dan baru dalam Asean -- Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam -- perkumpulan itu telah melancarkan Inisiatif Integrasi Asean (IAI) di Singapura dua tahun lepas untuk merapatkan jurang pembangunan antara mereka.

Untuk mencapai objektif itu, IAI mengesa bagi pengemblengan sumber-sumber dalam Asean dan mengenalpasti perlunya menerokai sumber-sumber dari luar rantau itu dan daripada entiti bukan kerajaan.

-- BERNAMA

MAM TCL RHM